

APMM tahan bot nelayan tangkap ikan di zon larangan

ALOR SETAR - Taktik licik enam awak-awak warga Thailand menarik pukot dalam keadaan bergelap di perairan Pulau Langkawi dekat sini bagi mengelak dikesan pihak berkuasa gagal apabila mereka ditahan Maritim Malaysia (APMM), Jumaat lalu.

Kesemua mereka yang menaiki bot nelayan tempatan jenis pukot tunda kelas C itu ditahan kira-kira pukul 11.30 malam di kedudukan kurang satu batu nautika tenggara Pulau Ujung Buluh.

Timbalan Pengarah Operasi Daerah Maritim (DM) 1 Langkawi, Komander Maritim R. Vincent berkata, bot nelayan tersebut ditahan bot peronda DM 1 kerana dilihat mencurigakan apabila menarik pukot dalam keadaan bergelap.

Kata beliau, hasil siasatan mendapati bot itu disyaki menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan sekali gus melanggar syarat lesen yang sah.

"Sepatutnya bot tersebut perlu menangkap ikan pada jarak lebih

15 batu nautika dari pantai sebagaimana dinyatakan dalam syarat lesen," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, kesemua awak-awak yang berusia antara 30 hingga 58 tahun itu serta bot nelayan kini ditahan dan akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985.

"Hasil tangkapan pelbagai jenis ikan seberat 1,000 kilogram turut dirampas dengan nilai lelongan sebanyak RM1,800," tambahnya.



HASIL tangkapan pelbagai jenis ikan yang dirampas APMM daripada sebuah bot pukot tunda yang menangkap ikan di zon larangan di perairan Pulau Langkawi Jumaat lalu.